

**Sivarasa: Saya tidak tewas di cabang
Malaysiakini.com
September 30, 2010**

Mesyuarat agung tahunan cabang PKR Subang minggu lalu sebegitu kecoh dengan ada beberapa pihak yang bertengkar dan bergaduh sehingga semua pihak tertanya-tanya sehingga hari ini sama ada ahli parlimen Subang, R Sivarasa gagal mempertahankan jawatan ketua cabangnya.

Bagaimanapun, peguam veteran itu, tampil di *Malaysiakini*, semalam untuk memberikan versi ceritanya mengenai apa yang berlaku pada hari Ahad lalu.

Katanya, tidak ada pemilihan yang sah berlangsung pada AGM yang huru-hara itu dan mempertahankan bahawa ia dicemari pelbagai dakwaan penipuan bermula dengan penerimaan kertas undi yang mencurigakan.

"Terdapat pelbagai kesilapan. Sesetengah nama yang sepatutnya berada di senarai tidak ada manakala nama yang tidak sepatutnya pula muncul. Senarai yang digunakan penuh bermasalah," katanya.

Namun, mesyuarat diteruskan mengikut agenda yang ditetapkan termasuk pencalonan pemimpin peringkat pusat PKR.

"Tetapi ia tidak teratur. Pengerusi gagal mengawal perjalanan mesyuarat dan ia tidak dapat diteruskan, " kata Sivarasa sambil mendakwa beliau mendapat 158 undi dalam pengiraan awal untuk jawatan ketua cabang yang menyaksikan pertandingan lima penjur.

Menurutnya, secara tiba-tiba, seseorang ahli kemudiannya membuat bantahan dan menuntut kiraan semula dijalankan. Apabila ini dijalankan kelebihan undinya merosot secara misteri dan Sivarasa hanya mendapat 121 undi.

"Adalah jelas, kita tidak dapat teruskan mesyuarat, malah tiga lagi calon yang lain juga meminta ia ditangguhkan," katanya.

Mereka kemudiannya menghubungi ahli jawatankuasa pemilihan parti, Sabaruddin Md Yasin yang bertindak mengisytiharkan mesyuarat itu ditunda ke tarikh yang belum ditetapkan.

"Kami kemudiannya meninggalkan tempat mesyuarat tetapi dimaklumkan seorang calon dan penyokongnya meneruskan mesyuarat dan membuat kiraan undi serta meminta ahli-ahli supaya terus mengundi.

"Ahli cabang juga ditakut-takutkan secara fizikal dan dalam keadaan itu mereka bertindak tidak 'mengundi' saya. Calon ini kemudiannya mengisytiharkan dirinya sebagai pemenang, " kata Sivarasa.

"Mereka tidak mematuhi peraturan dan malah mengancam pemantau pemilihan yang kemudiannya membuat laporan polis.

"Ini tidak lain daripada tindakan bodoh dan samseng daripada sesetengah ahli," katanya sambil menambah bahawa tindakan disiplin mesti diambil ke atas mereka.

Meskipun tidak menafikan hakikat mungkin terdapat eleman 'kuda trojan' di cabangnya, Sivarasa berberkata masalah utama adalah sikap samseng yang ditunjukkan oleh pencabarnya itu.

“Mereka tidak puas hati jika kalah,” katanya.

Sivarasa akan membuat aduan rasmi kepada ibu pejabat PKR hari ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/144011>